

Dr. M akan terus pangku Bendahari

UMNO
27 NOV 2002

SUBANG 26 Nov. — Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan terus memangku jawatan bendahari parti yang kosong sejak letakan jawatan Tun Daim Zainuddin pada 1 Jun 2001, sehingga tempoh persaraannya akhir tahun depan.

Beliau menolak andaian media bahawa pelantikan Datuk Dr. Jamaludin Jarjis sebagai Menteri Kewangan Kedua baru-baru ini bakal diikuti dengan pengumumannya sebagai Bendahari UMNO.

“Pada waktu dulu pun Daim jadi bendahari, semasa (Datuk Seri) Anwar Ibrahim jadi Menteri Kewangan, kita tak tukar,” katanya.

Ditanya sama ada itu bermakna yang beliau akan terus memangku jawatan tersebut, Dr. Mahathir berkata:

“Insya-Allah sampai saya letak jawatan.”

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini, hari ini.

Mengulas mengenai pelantikan Jamaludin sebagai Menteri Kewangan Kedua, Perdana Menteri berkata, ia bagi membantu meringankan beban tugas beliau di kementerian itu.